

## 09

### *Memahami Emosi Watak dalam Gambar Bersiri Melalui Kaedah Berfikir Secara Lateral*

**Farizan Mohamed Amin**

farizan\_b\_md\_amin@moe.edu.sg

**Ghazali Mohamed Ibrahim**


ghazali\_b\_md\_ibrahim@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Townsville

#### *Abstrak*

Murid-murid seringkali berhadapan dengan masalah mengesan emosi yang tepat bagi watak-watak yang terkandung dalam gambar bersiri. Selain itu, murid didapati mempunyai kesukaran menjelaskan sebab pembentukan emosi-emosi tersebut. Tambahan lagi, murid mempunyai kesukaran mengaitkan gerak tubuh manusia yang terpapar dalam gambar dengan emosi tertentu. Kajian ini mengkaji bagaimana murid dapat memahami emosi watak dalam penulisan gambar bersiri. Bagi menyokong kajian ini kaedah akronim seperti SAMMBoB dan PAGMaD telah diperkenalkan kepada murid. Analisis kuantitatif dan kualitatif juga telah digunakan untuk melihat keberkesanan strategi ini. Dapatan kajian menunjukkan pemikiran secara lateral melalui rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya, murid-murid telah menunjukkan peningkatan dari segi prestasi pascaujian mereka.

Kata Kunci: teknik penulisan, SAMMBoB, strategi pemikiran secara lateral, emosi, watak



## PENGENALAN


Edward de Bono (1970) mengatakan bahawa pemikiran lateral (*Lateral Thinking* - LT) sebenarnya berkaitan dengan proses pengalihan idea-idea baharu. Malah, beliau menambah bahawa pemikiran lateral ialah kemahiran kreatif yang boleh memanfaatkan atau memberikan faedah kepada masyarakat secara umum. Tambahan lagi, LT ialah satu kaedah penyelesaian masalah yang menggunakan daya imaginasi dan memahami emosi bukan secara konvensional atau tradisional. Ia merupakan cara pemikiran yang menitikberatkan pelbagai jenis jawapan bagi mencipta idea-idea baharu.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1996) berpendapat, "...kita tidak akan dapat menggali lubang-lubang baharu di tempat-tempat lain jika kita asyik menggali lubang yang ada supaya lebih dalam lagi."

Hal di atas menggambarkan bahawa perlu ada kesedaran untuk menjana idea-idea baharu dengan pemikiran yang bukan konvensional dan juga memahami emosi sesebuah watak. Untuk seseorang itu berfikir, perlu ada daya imaginasi yang bukan konvensional bagi mencipta sesuatu yang baharu. Edward de Bono (1977) telah memperkenalkan banyak teori berdasarkan pemikiran lateral. Beliau juga menyarankan banyak alat berfikir untuk mengatasi sesuatu permasalahan dengan lebih cekap dan berkesan. Contohnya, dalam CoRT (*Cognitive Research Trust*), yakni salah satu teknik alat berfikir yang telah diperkenalkan oleh beliau. Antaranya ialah PMI (*Plus, Minus, Interesting*), CAF (*Consider All Factors*), OPV (*Other People's Views*) dan sebagainya. Edward de Bono dalam (Jill Jenson, 2012, p76) membezakan pemikiran kepada dua, iaitu:

1. Pemikiran secara vertikal atau pemikiran secara tradisional (*Vertical Thinking or Traditional Thinking*)
2. Pemikiran secara lateral (*Lateral Thinking*). Pemikiran secara lateral melibatkan seseorang itu untuk melihat masalah daripada sudut yang berbeza bagi menjana idea dan mencari jalan. Antara sudut yang berbeza juga adalah merupakan paparan memahami emosi watak yang menggerakkan sesebuah cerita.

Ron Ritchhart and David Perkins (2008), pula dalam *Making Thinking Visible* atau 'Menjadikan Pemikiran Jelas' mengetengahkan rutin berfikir yang berlandaskan enam prinsip utama. Terdapat beberapa alat berfikir secara *visible*



yang telah dikaji oleh Ron Ritchhart and David Perkins berserta para pengkaji kumpulan mereka. Antara yang mereka bincangkan ialah, *Headlines* (Tajuk Utama), *Connect-Extend-Challenge* (Kaitkan-Luaskan-Cabar), dan *See-Think-Wonder* (Lihat-Fikir-Tanya). Bagi tujuan kajian ini yang mendalami 'learning is a consequence of thinking', pengkaji mendapati bahawa alat yang lebih sesuai kepada kumpulan sasaran ialah *See-Think-Wonder* (Lihat-Fikir-Tanya) atau LFT. Tujuan berfikir secara rutin yang menggunakan strategi LFT ini, adalah untuk:

1. menggalakkan murid-murid membuat pemerhatian dengan teliti dan mengintrepretasi perkara-perkara yang mereka fikirkan;
2. membantu untuk merangsang pemikiran murid-murid bagi menjana rasa ingin tahu; dan
3. memberikan wahana untuk pemikiran inkuiri.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid sering kali berhadapan dengan masalah mengesan emosi yang tepat bagi watak-watak yang terkandung dalam gambar bersiri. Selain itu, murid didapati mempunyai kesukaran menjelaskan sebab pembentukan emosi-emosi tersebut. Tambahan lagi, murid mempunyai kesukaran mengaitkan gerak tubuh manusia yang terpapar dalam gambar dengan emosi tertentu.


## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. untuk memahami emosi watak dalam gambar bersiri;
2. untuk membantu murid membuat pemilihan perkataan yang paling tepat dan berkesan berdasarkan konteks; dan
3. untuk memantapkan hasil penulisan dengan berfikir secara lateral bagi menyerlahkan idea murid.

## KAJIAN LEPAS

Menurut Ohamn dan Soares (1998), terdapat kaitan erat antara mekanisme emosi yang tidak disedari, harapan yang disedari, dan respons anatomi terutama emosi takut. Manusia akan bertindak sesuai dengan interaksi antara ketiga-tiga hal ini.



Widner dan Smith (1996) meneliti pengujian *feeling-of-knowing* (FOK) sebagai dasar pertimbangan dalam eksperimen. Mereka mengatakan bahawa FOK lebih tepat apabila maklumat tugas yang berkaitan disatukan dengan pertimbangan. Penelitian mereka ini menunjukkan bahawa proses kognitif juga perlu mewujudkan 'rasa mengerti' atau memahami.

Istilah 'rasa mengerti' seperti yang dijelaskan oleh Johana (1998) menunjukkan bahawa proses kognitif ada kaitan dengan deria rasa. Hal ini dijelaskan lagi dalam penggunaan bahasa yang juga merupakan proses kognitif. Pemilihan leksikon dipengaruhi oleh emosi subjek yang diteliti. Subjek yang sedang berasa sedih akan cenderung memilih kata yang sedih jika dibandingkan dengan subjek yang berasa gembira dalam situasi yang kurang jelas. (Halberstadt, Niedenthal dan Kushner (1995).

Goleman (1996) menjelaskan pelbagai aspek kehidupan yang memerlukan kecerdasan emosi. Di dalam penulisan beliau mengatakan mengenai berbagai penelitian untuk membuktikan bahawa kecerdasan emosi sangat berpengaruh dalam kehidupan sehari-hari. Awal kajian membincangkan tentang kegunaan emosi dan anatomi emosi. Namun, kajian-kajian lanjutan menjelaskan bahawa reaksi emosi tertentu dapat digunakan untuk menggambarkan petanda atau kewaspadaan untuk bertindak dengan lebih berhati-hati.

Ekspresi wajah memberikan maklumat tentang suasana emosi seseorang individu. Untuk mengesan emosi yang tepat terhadap watak-watak di dalam gambar bersiri boleh menjadikan satu tahap cabaran kepada murid-murid. Menurut Wierbicka (1995), seorang ahli bahasa yang membuat penelitian emosi, mengatakan bahawa ekspresi marah, takut, jijik, sedih, ataupun gembira adalah khusus berpusatkan kepada bahasa yang dikuasai atau diperoleh dan budaya kehidupan seseorang. Ekspresi-ekspresi yang ada tidak dapat menunjukkan kesamaan universal bagi melahirkan ucapan. Ia menunjukkan bahawa berbagai emosi dapat dikenal pasti dalam senario kognitif. Semuanya dapat dikaitkan dengan cara-cara senario kognitif tersebut diungkapkan dalam istilah konsep manusia universal.

Russell dan Sato (1995) mengungkapkan hal yang sama dengan Wierbicka (1995) bahawa kata-kata di dalam bahasa Inggeris seperti *happy, sad, angry dan afraid* menunjukkan *taksonomi keadaan emosi*.



## KAEDAH KAJIAN

Bagi mencapai objektif pengajaran, kaedah pengajaran secara eksplisit dijalankan selama lima minggu yang terdiri daripada lima peringkat, iaitu (1) peringkat praujian, (2) pengenalan topik tentang emosi (Teknik PAGMaD), (3) penerapan LFT yang berkaitan dengan perasaan, (4) latihan ayat menggunakan Teknik PAGMaD yang memberikan fokus kepada ayat-ayat Perasaan (5) pascajian dan (6) penutup.

### Subjek Kajian


Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 5 Bahasa Melayu yang mempunyai keupayaan pembelajaran yang berbeza-beza, iaitu murid-murid berkeupayaan tinggi, sederhana dan lemah. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 17 orang murid daripada Darjah 5. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana guru mendapati murid-murid perlu menggunakan gambar bersiri dalam penulisan mereka. Kajian ini menggunakan gambar bersiri yang serupa sebagai instrumen kajian bagi keselarasan. Murid-murid didapati berhadapan dengan masalah untuk mengesan emosi yang tepat bagi watak-watak yang terkandung dalam gambar bersiri. Selain itu, murid juga didapati mempunyai kesukaran menjelaskan sebab pembentukan emosi-emosi tersebut. Tambahan lagi, murid mempunyai kesukaran mengaitkan gerak tubuh manusia yang terpapar dalam gambar dengan emosi tertentu.

### Instrumen Kajian

Murid-murid dinilai berdasarkan kebolehan mereka berfikir untuk mengesan emosi yang tepat bagi watak-watak yang terkandung dalam gambar bersiri. Seperti yang dijelaskan *Lateral Thinking* ialah satu cara penyelesaian masalah yang menggunakan daya imaginasi dan memahami emosi bukan secara konvensional atau tradisional. Murid-murid menggunakan rutin berfikir LFT bagi mengesan emosi di dalam watak gambar bersiri yang diberi.


### Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama lima minggu dan mengambil tiga waktu pengajaran pada setiap minggu selama 90 minit bagi setiap waktu pengajaran.



Pada minggu pertama, murid diberikan satu set gambar bersiri sebagai praujian. Kemudian, murid diminta untuk menulis tentang seberapa banyak ayat yang berkaitan dengan emosi watak di dalam gambar.

**Rajah 1: Gambar Bersiri**



Pada minggu kedua, murid melakukan aktiviti-aktiviti bagi mengenal perasaan melalui teknik PAGMaD. Terdapat empat jenis perkataan emosi (Sedih, Gembira, Cemas, Perasaan yang negatif) untuk murid-murid membincangkan kolokasi antara satu perkataan dengan yang lain. Strategi adalah kesan daripada Ron Ritchhart and David Perkins yang menetapkan enam prinsip utama di dalam *Visible Thinking*. Antaranya ialah 'learning is a consequence of thinking'.

**Rajah 2: Pakej Pembelajaran Berkaitan Perasaan: Contoh Paparan Pengajaran**

Gundah	Duka	Gundah-gulana	Hambar	Lara	Sedih	Getir	Kecewa
Sugul	Muram	Sayu	Sendu	Rawan	Pilu	Pedih	Layu
Remuk	Terluka	Sengsara	Derita	Hancur	Hampa	Hancur hati	Terhina


Pada minggu ketiga, murid-murid menggunakan strategi LFT dengan mengikut langkah-langkah berikut:

1. Berikan satu sahaja gambar bersiri kepada murid-murid.
2. Bertanya kepada mereka tentang apakah yang mereka sedang fikirkan




- dan apakah pemerhatian awal mereka.
3. Galakkan murid memberikan alasan-alasan yang sesuai tentang interpretasi mereka mengenai gambar tadi.
  4. Galakkan murid berfikir tentang topik atau konteks gambar tersebut.
  5. Galakkan murid berbincang bersama kumpulan tentang gambar tersebut.
  6. Perkenalkan strategi LFT kepada murid di dalam kumpulan. Namun, mereka digalakkan menulis respons mereka secara individu.
  7. Guru perlu merancah pemikiran rutin melalui strategi LFT ini satu per satu.
  8. Guru memberi peluang kepada murid untuk mendengar atau melihat respons murid.
  9. Berkongsi respons murid sama ada secara verbal atau visual.
  10. Guru membuat kesimpulan tentang pengajaran tersebut.

Rajah 3: Templat Kajian – LFT



Langkah 1



Langkah 1

Murid-murid diberi gambar bersiri yang pertama untuk menggarap pemikiran mereka dengan menyenaraikan ekspresi emosi watak dan juga emosi-emosi yang berligar di sekitaran watak (di luar persekitaran watak).

Langkah 2



Langkah 2

Dengan gambar yang sama, murid-murid diminta untuk mendalami pemikiran tentang sebab mereka memilih perkataan yang berkaitan dengan emosi watak tersebut.

Langkah 3




Langkah 3

Murid-murid cuba untuk menyoal emosi-emosi lain daripada yang dipilih sewaktu Langkah 1 dan Langkah 2 sama ada emosi-emosi lain juga berkolokasi.

Pada minggu keempat, murid-murid mempelajari tentang ayat-ayat perasaan (i) sebelum melakukan aksi; (ii) semasa melakukan aksi; dan (iii) selepas melakukan aksi. Di samping itu, murid-murid merujuk templat LFT bagi membina ayat-ayat perasaan di dalam pakej berikut:

**Jadual 1 : Pakej Pembelajaran (Perasaan) : Contoh Pakej Pengajaran**

S/N	sebelum	semasa	selepas
1.	Kassim berasa ghairah hendak makan.	Ali berasa gembira ketika dirinya dipuji.	Lily berasa bangga setelah dirinya dipuji oleh ibunya.
2.	Kassim berasa takut hendak berjumpa ayah.	Raj berasa sedih ketika dirinya diejek.	Lily berasa hampa setelah dirinya ditipu oleh sahabatnya.





Pada minggu kelima, murid-murid diberi latihan ujian bagi menerapkan hasil perbincangan dengan menggunakan rutin berfikir LFT dan ayat-ayat perasaan dengan menggunakan sebuah gambar bersiri yang serupa. Murid-murid didapati lebih bersedia dan bersahaja dengan menulis ayat-ayat perasaan mereka selepas menjalani proses pemikiran tersebut.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN



Setelah menganalisis dan membandingkan respons murid terhadap ayat-ayat perasaan untuk memahami emosi watak, melalui data praujian dan pascaujian, terdapat peningkatan markah yang agak ketara.

### Analisis Kuantitatif


Dengan merujuk Carta Palang 1 dan Carta Palang 2, data analisis menunjukkan markah murid dalam praujian dan pascaujian yang dijalankan. Melalui analisis data praujian, hanya 53% orang murid sahaja yang lulus dan 47% orang murid gagal. Dapatan pascaujian membuktikan bahawa terdapat peningkatan dari segi analisis kuantitatif. Dengan merujuk Carta Palang 2, hanya 18% orang murid sahaja yang gagal dan terdapat 82% orang murid yang lulus dengan peningkatan markah yang agak baik.

Jika dibandingkan markah praujian dengan pascaujian, peningkatan yang paling ketara ialah M58, iaitu sebanyak 6 markah. Tambahan lagi, terdapat 30% orang murid yang menunjukkan prestasi yang baik, iaitu peningkatan sebanyak 5 markah jika dibandingkan dengan markah praujian melalui Kod Pelajar M59, M511, M512, M514, M515.

**Rajah 4: Carta Palang 1 – Markah Murid bagi Praujian**



**Rajah 5: Carta Palang 2 – Markah Murid bagi Pascaujian**




**Analisis Kualitatif**

Dapatan awal mendapati bahawa murid-murid memahami emosi watak. Namun, mereka menghadapi kesukaran untuk menggambarkan melalui perkataan-perkataan yang lebih tepat dan pelbagai. Mereka hanya mampu untuk menggunakan gambaran emosi yang mudah-mudah. Setelah menggunakan rutin berfikir LFT dan menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran, murid-murid didapati memberi respons yang amat positif. Mereka mampu untuk memahami emosi watak dalam gambar bersiri dengan lebih kukuh.

Namun demikian, terdapat juga murid-murid yang masih memerlukan bantuan yang lebih berpandu dan pemantauan yang lebih dekat. Murid-murid yang mempunyai tahap keupayaan yang lemah akan meminta bantuan guru dengan lebih kerap daripada murid-murid yang boleh melakukan tugas secara berdikari. Sila lihat beberapa contoh respons murid seperti yang berikut:

**Jadual 2: Contoh Respons Murid bagi Gambar 1: Gambar Bersiri 1.1**

Kod Pelajar	Praujian	Pascaujian
M58	Mereka berasa seronok.	Mereka berasa sangat seronok dan senang hati kerana mereka dapat pergi memancing pada waktu lapang.
M59	Adam yang kelihatan gembira sedang bercakap dengan Syafiq.	Adam yang berasa senang hati sedang bercakap dengan Syafiq.



M511	Adam dan Syafiq gembira dapat pergi memancing.	Mereka berasa senang hati kerana dapat pergi memancing bersama-sama.
M512	Mereka berdua berasa riang.	Mereka berdua berasa riang dan seronok kerana mereka dapat pergi memancing bersama-sama.

## KESIMPULAN

Secara rumusan, kajian ini telah menunjukkan bahawa pemikiran lateral sebenarnya berkaitan dengan proses pengalihan idea-idea baharu. Dengan mendalami '*learning is a consequence of thinking*', pengkaji mendapati bahawa rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya atau LFT memberi wahana kepada murid-murid. Strategi tersebut dapat diaplikasikan di dalam bilik darjah melalui penggunaan carta Lihat-Fikir-Tanya.

Tambahan lagi, melalui kajian pengajaran ini, pengkaji menyedari kepentingan pemahaman emosi watak dan melibatkan murid untuk menjana fikiran, iaitu pengupasan pemahaman, penggalakan proses berfikir dan pembelajaran sendiri. Melalui analisis dapatan, murid-murid telah menunjukkan peningkatan markah yang signifikan.

## RUJUKAN


De Bono, E. (1970). *Lateral thinking: Creativity step by step*. New York: Harper and Row.

De Bono, E. (1977). *Lateral thinking: A textbook of creativity*. Penguin Books.

Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.

Halberstadt, J.B, Niedenthal, P.M., & Kushner, J. (1995). *Resolution of lexical ambiguity by emotional state*. *Psychological Science*, 6, 5, 278-282.

Jenson, J. (2012). *Developing Creativity in the Primary School*. Berkshire: Open University Press.



Othamn, A. & Soares, J.J.F. (1998). *Emotion conditioning to masked stimuli: Expectancies for aversive outcomes following non-recognised fear-relevant stimuli*. *Journal of Experimental Psychology: General*, 127, 1, 69-82.

Richards, C. J. & Anderson A. N. (2003). *What Do I See? What do I Think? What Do I Wonder? (STW): A Visual Literacy to Help Emergent Readers Focus on Storybook Illustrations*. *Journal Article The Reading Teacher*, 56, 5, 442-444.

Russell, J. A. & Sato, L. (1995). *Comparing emotion words between languages*. *Journal of Cross-Cultural Psychology*, 26, 4, 383-391.

Widner, Jr. R.L. & Smith, S.M. (1996). *Feeling-of-knowing judgements from the subject's perspective*. *American Journal of Psychology*, 109, 3, 373-388.

Wierbicka, A. (1995). *Emotion and facial expression: A semantic perspective*. *Culture & Psychology*, 1, 227-258.

